


BAB 4 Lakaran Peta Malaysia

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
1.4 Lakaran Peta Malaysia		1.4.1 Menentukan kedudukan negeri-negeri dan wilayah-wilayah persekutuan di Malaysia berdasarkan peta		Soalan 1 Soalan 2		TP1 29	
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, peta Malaysia		Gallery Walk		Mengaplikasi			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
Kelestarian global		–		Bekerjasama, toleransi			
Cadangan PdPc							
1. Guru berbincang bersama murid tentang negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan yang terdapat di Malaysia. 2. Guru meminta beberapa orang murid menunjukkan kedudukan beberapa buah negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia pada peta Malaysia. 3. Murid menjawab soalan 1 dan soalan 2 dalam buku Power Up Geografi halaman 29. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Murid secara berkumpulan diberikan tugas untuk melabel kedudukan negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia pada peta Malaysia yang kosong. 6. Setiap kumpulan menunjukkan kreativiti masing-masing. 7. Setiap siap, murid menampal hasil kerja di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain. 8. Murid daripada kumpulan lain memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada <i>sticky note</i> dan menampal pada hasil kerja tersebut.							
Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
1.4 Lakaran Peta Malaysia		1.4.2 Menentukan kedudukan ibu negeri, ibu negara Malaysia dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Malaysia berdasarkan peta		Soalan 3 Soalan 4		TP2 30	
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, peta Malaysia		Gallery Walk		Mengaplikasi			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
Kelestarian global		–		Bekerjasama, toleransi			
Cadangan PdPc							
1. Guru menerangkan kepada murid tentang ibu negeri, ibu negara dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Malaysia serta kedudukannya berdasarkan peta Malaysia. 2. Murid menjawab soalan 3 dan soalan 4 dalam buku Power Up Geografi halaman 30. 3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 4. Murid secara berkumpulan diberikan tugas untuk melabel kedudukan ibu negeri, ibu negara dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Malaysia pada peta Malaysia yang kosong. 5. Setiap siap, murid menampal hasil kerja di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain. 6. Murid daripada kumpulan lain memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada <i>sticky note</i> dan menampal pada hasil kerja tersebut.							

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
1.4 Lakaran Peta Malaysia	1.4.3 Melakar peta Malaysia yang lengkap berpandukan peta sebenar Buku Teks m.s 28	Soalan 5 TP3 TP4 TP5 TP6 Soalan 6	31
BBM		PAK-21	
Buku teks, peta Malaysia		Kerja Kumpulan	
EMK		KBAT	
Patriotisme, kreativiti		Mencipta	
		Nilai Murni	
		Kasih sayang, cinta kepada negara	

Cadangan PdPc

1. Guru menunjukkan kepada murid peta Malaysia yang lengkap dengan sempadan negeri, sempadan antarabangsa, kedudukan negeri-negeri dan ibu negeri, ibu negara, Wilayah Persekutuan dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.



2. Guru berbincang dengan murid tentang aktiviti membina model peta Malaysia menggunakan bahan kitar semula.
3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
4. Murid-murid membawa bahan-bahan kitar semula dari rumah.
5. Murid melakar peta Malaysia di atas kadbod atau polisterina.
6. Murid melabel setiap negeri, ibu negeri, ibu negara dan Wilayah Persekutuan serta pusat pentadbiran kerajaan persekutuan menggunakan bahan-bahan kitar semula.
7. Hasil kerja setiap kumpulan dipersembahkan di hadapan kelas dan dinilai oleh guru.